



Ruj. Kami : KP (BPPK) 112/40 Jilid.2 (27)
Tarikh : 12 Februari 2016
03 Jamadilakhir 1437H

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri
Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia
Pengarah Institut Aminuddin Baki

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PELAKSANAAN PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPPP) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2016

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya telah diarah menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan berkaitan perkara di atas.

2. Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merupakan satu daripada Inisiatif Piagam Guru dibawah tanggungjawab Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi (BPPK) telah diluluskan oleh YBhg. Tan Sri KPPA melalui surat Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 5 November 2015. Surat arahan pelaksanaan peringkat KPM telah dikeluarkan oleh YBhg. Tan Sri Dr. KSU KPM bertarikh 20 November 2015. Pelaksanaan PBPPP bagi kumpulan guru dan pemimpin sekolah bermula pada tahun 2015 dan pelaksanaan menyeluruh kepada semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bermula pada tahun 2016.

3. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan PBPPP pada tahun 2016 bermula dari **01 Januari 2016** sehingga **15 Disember 2016**. Sistem e-Prestasi akan dibuka untuk dikemaskini pada **15 April 2016**. Pengisian skor Penilaian Pertama tamat pada **30 Jun 2015** dan pengisian skor Penilaian Kedua tamat pada **15 Disember 2016**. Bagi memastikan pelaksanaan penilaian ini berjalan lancar, setiap organisasi perlu melaksanakan secara manual perkara-perkara berikut sebelum sistem e-Prestasi diaktifkan iaitu:

- a) Menubuhkan JK PBPPP Organisasi;
- b) Memastikan maklumat PPP disetiap organisasi yang perlu dinilai pada tahun semasa dikemaskini dan lengkap;
- c) Menetapkan Pegawai Penilai;
- d) Menentukan sasaran Penilaian Komponen Keberhasilan; dan
- e) Mengemas kini fail pengurusan PBPPP.

4. Segala aduan berkaitan PBPPP boleh dikemukakan melalui e-mel aduan.eprestasi@moe.gov.my.

5. Segala perhatian dan kerjasama daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ tuan/ puan berikan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(MD SANI BIN LATIP)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kompetensi

Kementerian Pendidikan Malaysia

Salinan kepada:

1. Ketua Setiausaha
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
4. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia – Sektor Operasi Pendidikan (SOP)
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia – Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan (DASAR)
6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia – Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan (SPPK)